

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**

**TARIKH : 07.03.2018**

**SOALAN : NO. 60**

**Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah berleluasa kes institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) menyelewengkan pengurusan pinjaman pelajar daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan apakah bentuk-bentuk tindakan yang boleh dikenakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang beroperasi di Malaysia adalah tertakluk di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Akta 555) termasuklah kawalan daripada berlakunya penyelewengan atau penyalahgunaan wang.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melaksanakan pemantauan bagi memastikan kebajikan pelajar terpelihara termasuk aktiviti pendaftaran pelajar. Setiap program yang dijalankan oleh IPTS perlu mendapat kelulusan Ketua Pendaftar yang turut mencakupi jumlah yuran kursus pengajian yang diluluskan. Justeru, sekiranya IPTS melanggar syarat-syarat kelulusan kursus pengajian termasuk mengenakan yuran ke atas pelajar melebihi kadar yang telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar, KPT akan mengenakan tindakan ke atas IPTS di bawah seksyen 40(2), Akta 555 termasuk membatalkan kelulusan kursus pengajian berkenaan.

Berhubung dengan penyelewengan atau penyalahgunaan wang pinjaman pendidikan yang disalurkan oleh PTPTN untuk peminjam, ia hanya akan diketahui setelah PTPTN mendapat aduan daripada peminjam. PTPTN akan meneliti dan menyiasat setiap aduan yang diterima dan sekiranya berasas, ia akan dimajukan kepada KPT untuk tindakan lanjut terhadap IPTS yang terlibat.